



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA SESI KE-110,  
GENEVA, SWITZERLAND 27 MEI HINGGA 11 JUN 2022**

1. Persidangan Buruh Antarabangsa (*International Labour Conference - ILC*) Sesi Ke-110 telah dianjurkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization - ILO*) bermula dari 27 Mei hingga 11 Jun 2022. Persidangan ini dianjurkan secara tahunan melibatkan pihak Kerajaan, wakil persatuan majikan dan wakil kesatuan sekerja, yang bertujuan untuk membincangkan serta membuat keputusan mengenai isu berkaitan piawaian perburuhan antarabangsa. Pada tahun ini, ILC telah diadakan secara hibrid melibatkan penyertaan daripada 187 negara anggota.
2. Pada 9 Jun 2022, YB Menteri Sumber Manusia dalam sidang pleno telah menyampaikan kenyataan berhubung inisiatif-inisiatif Kerajaan dalam mendepani fasa endemik COVID- 19. Ucapan ini sebagai tanda sokongan negara ke atas laporan yang telah disediakan oleh Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bertajuk "*The Least Developed Countries: Crisis, Structural Transformation and the Future of Work*". Dalam ucapan tersebut, YB Menteri Sumber Manusia telah menekankan mengenai peranan semua pihak dalam usaha memulihkan ekonomi negara.
3. YB Menteri Sumber Manusia juga telah berkongsi berhubung inisiatif-inisiatif terkini yang telah dilaksanakan oleh Negara. Antaranya, inisiatif JaminKerja yang mensasarkan penyediaan 600,000 peluang pekerjaan dengan peruntukan sebanyak RM4.8 billion, kenaikan kadar gaji minimum kepada RM1,500 sebulan melibatkan kenaikan 25% daripada sebelumnya mulai 1 Mei 2022, pelaksanaan program subsidi upah serta pindaan-pindaan terkini

terhadap undang-undang perburuhan yang berkaitan seperti Akta Kerja 1955 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

4. Di samping itu juga, YB Menteri Sumber Manusia telah berkongsi inisiatif negara sebagai antara negara anggota ILO yang terkini mendepositkan ratifikasi Protokol 29 berhubung buruh paksa dalam usaha untuk menangani dan menghapuskan buruh paksa di Malaysia.
  
5. Selain sidang pleno, delegasi Malaysia turut menghadiri beberapa mesyuarat jawatankuasa teknikal yang diadakan secara serentak iaitu *Committee on the Application of Standards (CAS)*, *Recurrent Discussion Committee on Employment* dan *General Discussion Committee on Decent Work and the Social and Solidarity Economy*. Sidang penutup ILC akan diadakan pada 11 Jun 2022.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**14 JUN 2022**